



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KENAIKAN SUBSIDI PADI BERTEPATAN MUSIM MENUAI, NASIONAL, BH -14 SUBSIDI NAIK: PENDAPATAN PESAWAH MENINGKAT 10-15 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 'STI KEY TO PROPELLING ECONOMY', NEWS, NST -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	PENDUDUK MOHON BAIKI JETI ROSAK, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	KADAR SSHP BAHARU PESAWAH KEDAH, PERLIS SELEPAS MUSIM MENUAI, NASIONAL, BH -20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	LEBIH SEDEKAD 'MAIN' BENANG SERAT NANAS, WANITA & KELUARGA, BH -22	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7.	RM400 JUTA HASIL PERTANIAN DIJANA PENGGAL 14, DARUL NAIM, HARAKAH -H22	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kadar SSHP baharu pesawah Kedah, Perlis selepas musim menuai



Petani boleh nikmati subsidi RM500 satu tan paling awal hujung bulan ini

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Pesawah di Kedah dan Perlis masih belum menikmati kenaikan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) kerana musim menuai padi dijangka bermula paling awal pada hujung bulan ini.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain, berkata ini kerana kebanyakan kawasan sawah di

dua negeri terbabit baru sahaja memulakan musim tanaman baharu kira-kira dua bulan lalu.

Katanya, setiap musim tanaman memerlukan masa sekurang-kurangnya empat bulan bagi membolehkan benih padi membesar dan mengeluarkan butir padi sebelum kerja menuai dapat dimulakan.

“Setakat hari ini (semalam), memang tidak ada petani terima subsidi yang diumumkan Perdana Menteri semalam (kelmarin), kerana sekarang bukan musim memotong dan menjual padi, paling awal mungkin hujung bulan ini.”

“Kawasan MADA ada tiga wilayah, wilayah satu kebanyakan di Perlis yang paling awal mula menanam, jadi mungkin mereka paling awal dapat merasa kenaikan subsidi daripada RM360 bagi setiap tan menjadi RM500 itu,” katanya ketika

dihubungi BH.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar SSHP daripada RM360 bagi setiap tan kepada RM500 berkuat kuasa semalam, yang dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 66,000 pesawah di dalam dan luar kawasan tanaman MADA.

Mengulas lanjut, Che Ani ber-

kata, berdasarkan harga jualan RM1,200 bagi setiap tan pada musim lalu, ditambah kenaikan SSHP sebanyak RM500, pesawah bakal menikmati harga jualan setiap tan pada musim menuai akan datang.

Kurangkan beban pesawah

Katanya, nilai itu sememangnya mampu mengurangkan beban

“Setakat hari ini (semalam), memang tidak ada petani terima subsidi yang diumumkan Perdana Menteri semalam (kelmarin), kerana sekarang bukan musim memotong dan menjual padi, paling awal mungkin hujung bulan ini”



Che Ani Mat Zain,
Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA

pesawah yang terkesan akibat kenaikan pelbagai kos input pertanian, namun ia dianggap masih sukar bagi membasmi masalah kemiskinan dalam kalangan penduduk.

“Mengikut kebiasaan, bayaran SSHP akan dikreditkan terus ke akaun bank pesawah mengikut jumlah hasil padi yang direkodkan ketika jualan padi dibuat di kilang.

“Untuk memastikan ada keuntangan, pesawah perlu dapat hasil sekurang-kurangnya dua tan bagi mendapatkan bayaran RM3,400.

“Ini kerana kos pengurusan sawah seperti bayaran sewa jentera, lori, baja, upah pekerja dan lain-lain bagi satu relong (0.3 hektar) adalah kira-kira RMI,600.

“Selain itu, hasil padi juga tidak merentu jika berlaku serangan haiwan atau padi rosak,” katanya.

Kenaikan subsidi padi bertepatan musim menuai

Alor Setar: Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai kenaikan kadar Skim Subsidi Padi (SSHP) daripada RM360 per tan kepada RM500 berkuat kuasa semalam dianggap bertepatan dengan musim menuai tidak lama lagi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh, berkata peningkatan subsidi itu amat dinantikan pesawah terutama bagi di dalam kawasan MADA dan kira-kira 10,000 lagi di luar kawasan berkenaan.

Jelasnya, peningkatan subsidi itu akan memberi kesan besar kepada golongan pesawah yang kebanyakannya adalah golongan berpendapatan rendah selepas kerajaan turut memberikan bantuan bulanan ketika di luar musim menanam.

"Siri bantuan ini menuai

menunjukkan hasrat Perdana Menteri untuk memastikan kemiskinan tegar dapat diatasi dan mengangkat golongan B40 dan Kedah khususnya. Bantuan ini bermula dengan kerjasama syarikat Perdana Nasional Berhad (BERNAS) dan kemudian komitmen kerajaan menyediakan RM3 bilion untuk melengkapkan infrastruktur pertanian.

"Kemudian Perdana Menteri mengumumkan bantuan RM200 selama tiga bulan kepada pesawah, keseluruhan siri bantuan ini menunjukkan komitmen Perdana Menteri yang bukan bercakap sahaja, tapi diterjemahkan dalam semua tindakan," katanya pada sidang media di Bangunan Tunjku di sini, semalam.

Bagi Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar, pengumuman kenaikan subsidi padi itu melegakan sebahagian besar pesawah di

seluruh negara dengan ada kawasan akan memulakan musim menuai tidak lama lagi.

"Masa (pengumuman) sudah betul sebab orang (pesawah) akan mula ambil padi. Kalau Perdana Menteri tunggu selepas pilihan raya, maka rugi orang yang am-

bil padi sekarang, mereka akan terlepas subsidi yang ditawarkan.

"Jadi jika ada orang yang ambil padi hari ini, maka mereka akan dapat terus subsidi berkenaan, mereka dapat duit lebih yang boleh digunakan bagi membeli keperluan harian," katanya.

Kemudian Perdana Menteri mengumumkan bantuan RM200 selama tiga bulan kepada pesawah, keseluruhan siri bantuan ini menunjukkan komitmen Perdana Menteri yang bukan bercakap sahaja, tapi diterjemahkan dalam semua tindakan



Dr Ismail Salleh,
Pengerusi Lembaga Kemajuan
Pertanian Muda (MADA)

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pimpinan Perpaduan Negeri Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kerajaan sudah mengambil kira kemampuan kewangan sebelum mengumumkan kenaikan SSHP bermula semalam.

"Saya fikir bukan ada masalah sama ada musim pilihan raya atau di luar pada pilihan raya, sebab sesuatu yang baik untuk rakyat ini tak semestinya datang pada waktu tertentu sahaja, tapi kalau kebetulannya masa pilihan raya apa salahnya.

"Saya ambil peluang ini untuk berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana umum satu lagi faedah yang dinikmati petani dalam penanaman padi kerana Kedah sebagai Jelapang Padi memiliki kira-kira 66,000 ketua keluarga meliputi kawasan MADA dan di luar kawasan itu," katanya.

Subsidi naik: Pendapatan pesawah meningkat 10-15 peratus

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB
hafiz@utusanmedia.com.my

KANGAR: Pendapatan pesawah meningkat 10 ke 15 peratus berikutan kenaikan subsidi harga padi sekali gus membantu meringankan beban golongan berkenaan yang sudah berpuhuh tahun memperjuangkan isu itu.

Sebelum ini, bagi satu tanamirik hasil tanaman pesawah memperoleh pendapatan sekitar RM1,200 dan dengan kenaikan tersebut, petani sekurang-kurangnya mampu menajana anggaran pendapatan sehingga RM1,500 iaitu peningkatan sebanyak RM300.

Jumlah pendapatan itu secara tidak langsung memberi nafas kepada pesawah yang turut berdepan kenaikan harga input pertanian sejak beberapa tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah yang sudah lebih 40 tahun mengusahakan tanaman padi, Azizan Mahmud, 79, berkata, semusim dia memperoleh hasil sekitar empat atau lima tan metrik per-hekta dengan kenaikan tersebut dia mampu menajana pendapatan sekitar RM7,500.

Dia yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas tiga hektar di Bawah Bukit Chuping itu berkata, menerusi kenaikan subsidi harga padi berkuat kuasa semalam, dia mampu menajana lebih pendapatan selepas ditolak semua kos.

Bersambung di muka 3

10/8/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

3

Subsidi naik: Pendapatan pesawah meningkat 10-15 peratus

Dari muka 1

Kata Ketua Kelompok Unit Peladang Balik Bukit itu, kenaikan subsidi harga padi sehingga RM140 bagi satu tan metrik itu disifatkan antara paling tinggi yang sekurang-kurangnya mampu meringankan beban pesawah.

“Memang sudah lama tunggu kenaikan subsidi harga padi dan alhamdulillah akhirnya menjadi kenyataan. Di sebalik peningkatan kos input pertanian, kenaikan harga itu sekurang-kurangnya boleh membantu kami.

“Cuma diharapkan kalau boleh kerajaan pertimbang mengawal harga input pertanian ini yang terus meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini,” katanya.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan, perjuangan pesawah untuk menikmati subsidi padi yang lebih tinggi sejak 25 tahun lalu membuahkan

hasil apabila kerajaan mengumumkan kenaikan daripada RM360 kepada RM500 bagi satu tan metrik berkuat kuasa hari ini.

Kenaikan RM140 bagi setiap tan metrik itu adalah yang paling tinggi dalam tempoh tersebut sekali gus menyuntik semangat kepada petani untuk terus mengusahakan sawah dan mengekalkan keterjami- nan bekalan beras negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah menaikkan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) itu membolehkan pesawah di seluruh negara menerima sekurang-kurangnya RM1,700 bagi setiap tan metrik tuaian padi mereka selepas ini.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, dia yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas lima hektar dijangka memperoleh pendapatan sekitar RM30,000 musim ini melalui

kenaikan subsidi itu.

Katanya, kenaikan pendapatan dijangka sehingga RM300 dengan satu hektar kawasan tanaman boleh menghasilkan sekitar empat sehingga lima tan metrik.

“Kos sekarang pun tinggi seperti input pertanian, jentera, upah dan sebagainya. Dengan kenaikan tersebut, sekurang-kurangnya bolehlah membantu kami para pesawah.

“Cuma yang ingin dibangkitkan bagaimana dengan hasil-hasil sebelum ini, adakah akan termasuk dalam skim peningkatan subsidi tersebut,” kata- man padi di Balik Bukit di sini sejak 20 tahun lalu.

Seorang lagi pesawah, Raffi- zal Rahmad, 35, berkata, peningkatan subsidi harga padi itu mampu memberi sedikit ru- ang untuk para pesawah ‘ber- nafas’ dan ia susah lama dinan- tikan oleh golongan tersebut.

Sementara itu, Pengarah

Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Mu- haizi Marzukhi berkata, pe- ningkatan harga subsidi harga padi sebanyak RM140 per tan metrik sangat ditunggu-tunggu oleh pesawah dan juga pengi- lang.

Katanya, ia secara tidak lang- sung juga membantu kilang membeli padi pada harga yang lebih tinggi apabila dicampur subsidi

“Sebagai wakil pengilang dan pembeli padi, saya juga menyeru agar petani berusaha untuk menuai padi mengikut disiplin dan prosedur operasi standard (SOP) yang sebaik mungkin. Kerana padi yang masak, bersih daripada keko- toran, tiada padi muda dan wap basah rendah akan memberi potongan padi lebih rendah.

“Potongan padi yang rendah akan memberi berat bersih padi yang lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan lagi jumlah subsidi dan pendapatan total petani,” katanya.

ROADMAPS

'STI KEY TO PROPELLING ECONOMY'

Nation encouraging development of own technology and products, says science minister

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA has envisioned many ways to boost its science, technology and innovation (STI) sector, including encouraging the development of its own technology, products, abilities and capabilities.

Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang said Malaysians should no longer rely on external technologies to remain competitive. They also could not afford to lag globally, he added.

STI, he said, was key to propelling the economy, especially in light of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim launching the Madani Economy recently.

To realise this aim, Chang said, the government had introduced policies and technology roadmaps, such as the National Biotechnology Policy 2.0 and the National Nanotechnology Policy Strategy 2021-2030.



Chang Lih Kang

There were also technology development roadmaps, such as advanced materials, blockchain, electrical and electronics, artificial intelligence, robotics and vaccines, he added.

"This is to ensure that the development of technology covers all aspects of life and industry.

"The government will work with government-linked investment companies to invest an additional RM1 billion fund to match the private sector in aid to encourage start-up companies and technopreneurs.

"We will ensure allocations for



The use of artificial intelligence in the agricultural sector will be emphasised. FILE PIC

each phase of high-growth companies are in line with the government's aim to create more companies like Aerodyne and Les Copaque, which are successful in their fields."

He added that the government had allocated an extra RM100 million to intensify the development and research ecosystem, commercialisation and innovations that focused on industry needs, renewable energy, food security and new growth activities.

He said the additional funds were part of the government's effort to achieve 3.5 per cent of

gross domestic expenditure on research and development in the gross domestic product by 2030 and elevate the country to the top 20 of the Global Innovation Index by 2025.

Other initiatives included encouraging new green growth activities, aside from boosting new alternative sources, such as solar and hydrogen, he added.

The use of artificial intelligence in the agricultural sector would also be emphasised, apart from regenerative agricultural and climate-resistant plants, he added.

"This can tackle food security

concerns to ensure that the agricultural sector is stronger, and it is hoped that its success will increase productivity and benefit small-time farmers."

Agrobank, he said, had an allocation of RM200 million to support the food industry by focusing on increasing farmers' yield through technology.

"All of this can be achieved if people, from users to policymakers and executors, open their minds. They must accept the fact that we can no longer be mere observers and continue to be left behind."

Penduduk mohon baiki jeti rosak

TELUK INTAN: Pengguna jeti bot di Dataran Udang Galah, Jalan Mahkota di sini meminta pihak berkenaan mempercepat kerja membaiki titi yang menghubungkan pelantar dengan jeti di Sungai Perak, yang sudah patah.

Pelantar dan jeti itu digunakan untuk kaki pancing, nelayan memunggang hasil tangkapan dan pengusaha bot sewa membawa pelancong.

Titi untuk ke jeti tersebut patah sejak sebulan lalu menyebabkan pengguna tidak dapat untuk ke jeti menaiki bot.

Seorang pengguna jeti, Ahmad Sawai Abu Bakar berkata, jeti berkenaan perlu dibaiki segera untuk kemudahan orang ramai yang menggunakannya.

Katanya, disebabkan titi ke jeti itu sudah patah, antara yang terjejas ialah pengusaha bot pelancong dan nelayan serta rokai keindahan Sungai Perak dan Pulau Burung, serta kaki pancing.

"Pelancong luar terkejut dan kecewa melihat keadaan jeti ini dan juga nelayan sukar untuk membawa naik hasil tangkapan



mereka. Menurutna, perkara itu sudah dimaklumkan kepada pihak berkenaan dan berharap titi yang patah segera dibaiki. "Antaranya aduan dibuat kepada Jabatan Perikanan kerana jeti ini antara jeti untuk me-

mungah hasil tangkapan nelayan.

"Pemilik bot juga sukar untuk melabuhkan bot mereka di tempat lain dan ini menimbulkan risiko bot mereka dihanyutkan arus deras," katanya.



Munah menggunakan teknik mengeruk bagi menghasilkan benang yang panjang dan tidak terputus. Gambar kecil sulaman daripada benang serat nanas. (Foto Omar Ahmad/BH)

Lebih sedekad 'main' benang serat nanas

Usahawan dapat sokongan LPNM menerusi geran, beli mesin baharu hasilkan produk cenderahati

Oleh Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Pontian: Lebih sedekad mengusahakan pembuatan benang daripada sumber alam, iaitu serat daun nanas bermula di belakang rumah di Rimba Terjun, di sini, kini produk unik diperkenalkan itu sudah dikenali ramai.

Usahawan Benang Serat Nanas M & Z, Munah Abd Kadir, 50, mampu mengukir senyuman apabila hasil usahanya mendapat perhatian dengan pelbagai produk cenderahati berasaskan benang serat nanas.

Katanya, selain fokus kepada penghasilan benang serat nanas, beliau turut aktif memberi penerangan penghasilan benang kepada pengunjung di galerinya, di sini.

"Benang serat nanas ini lebih asli, tiada campuran bahan kimia untuk penghasilannya. Daripada daun nanas terus menjadi benang.

"Tetapi teknik mengeruk daun

perlu betul bagi menghasilkan benang yang panjang dan tidak terputus. Tidak boleh terlalu kuat dan tidak boleh terlalu perlahan.

"Untuk menghasilkan satu kilogram (kg) benang memerlukan kira-kira 100kg daun nanas atau kira-kira 4,000 helai.

"Ramai yang bertanya, siapa yang gunakan benang serat nanas ini, pelanggan adalah pelajar universiti, kolej yang beli untuk penyelidikan.

"Malah, saya juga menggunakan benang serat nanas bagi membuat motif bunga dalam perhiasan," katanya ditemui di sini.

Benang serat nanas juga boleh dibuat sulaman silang pangkah, penanda buku, anyaman motif pada beg tangan, kraftangan, motif corak pada songket dan terbaru, produk jam dinding.

Harga daun nanas mahal

Munah berkata, satu kilogram benang serat daun nanas mampu mencecah harga RM900 di pasaran.

"Harganya mahal, namun tidak ramai yang mampu menghasilkan benang daripada tumbuhan tropika ini, mungkin kerana pembuatannya memerlukan ketekunan.

"Harga baju yang dibuat daripada serat benang daun nanas boleh mencecahkan sehingga RM5,000 sehelai, manakala samping pula berharga RM1,700, namun tiada cita-cita ke arah itu.

Munah memberitahu, proses pemilihan daun tumbuhan tro-

pikal yang dikenali *Ananas comosus* dalam bahasa saintifiknya ada kaedahnya.

Katanya, terdapat empat jenis daun dari variasi nanas yang boleh dijadikan benang, iaitu daun dari jenis S36, MD2, Josapine dan Gandul.

"Daun daripada jenis nanas ini lebih berkualiti kerana tali serat lebih kuat dan tidak mudah putus. Saya ambil sendiri daun di dua kebun milik pekebun kecil di Pontian.

"Dari segi pemilihan daun pula, kita gunakan daun yang sudah matang atau tua, iaitu pokok yang sudah berbuah atau sudah dipetik.

"Kalau kita ambil daun yang muda atau pokok tidak keluar buah lagi, tekstur serat tidak berkualiti, lebih mudah putus bila proses mengeruk," katanya.

Selesai pemilihan daun dibuat, proses seterusnya adalah mengeringkan daun sudah dipetik yang memakan masa dua hari.

Dalam tempoh ini, daun dibiarakan kering sendiri pada suhu bilik dan tidak perlu diletakkan di bawah cahaya matahari.

Proses pengeringan lebih selesa dan daun diibaratkan tidak 'terkejut' selain terlalu kering.

Munah mendapat sokongan Perindustrian Lembaga Nanas Malaysia (LPNM) dengan pelbagai bantuan geran dan mesin baharu yang turut direka khas bagi tujuan mengeruk daun oleh Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2023	HARAKAH	DARUL NAIM	H22

KOTA BHARU: Sepanjang penggal ke-14 Kelantan berjaya mengeluarkan hasil pertanian melebihi RM400 juta hasil penggunaan teknologi moden.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penggunaan dron dalam aktiviti membaja dan meracun diperluaskan.

Katanya, usaha itu dipelopori Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB). "Petani juga digalakkan menggunakan baja organik dengan teknologi mikrob yang dirintis Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd," katanya di sini.

Menurutnya bermula tahun 2018 kerajaan negeri melaksanakan inisiatif bantuan baja organik, baja padi (foliar) dan bantuan-bantuan input pertanian kepada petani.

Kata beliau sumbangan itu disalurkan melalui agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat di bawah kerajaan negeri.

Di samping itu beliau berkata, pemerkasaan di bidang pertanian dilaksanakan melalui projek pertanian moden seperti fertigasi meja, hidroponik, fertigasi menggunakan teknologi IOT melalui Gerakan Pertanian Al-Falah.

"Saya merakam ucapan tahniah kepada semua agensi yang terlibat termasuk Jabatan



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail meninjau pameran produk pertanian pada Ekspo Pertanian.

RM400 juta hasil pertanian dijana penggal 14

Pertanian Kelantan membantu petani dan usahawan tani menjayakan perusahaan ke arah menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.

Menurutnya juga kerajaan negeri mengutamakan agenda sekuriti makanan dengan memperuntukkan tanah pertanian berskala komersial.

Kata beliau petani, peladang dan penternak di Kelantan mempunyai

peluang besar dan cerah dalam menjana ekonomi negeri dan negara.

"Kerajaan negeri juga sediakan Skim Usahawan Tani Muda Kelantan bagi menggalakkan orang ramai terlibat dalam sektor pertanian terutamanya pembangunan tanah terbiar," katanya.

Selain itu kata beliau kerajaan negeri berhasrat menjadikan Bachok sebagai hub penternakan utama dan Pasir Puteh

hub pengumpulan dan pembiakan kambing tenusu serta pedaging berkualiti.

"Kerajaan negeri menitikberatkan kemajuan dalam penghasilan produktiviti makanan dengan membangunkan Program Wawasan Bioteknologi Kelantan melalui Pusat Penyelidikan Bio-Organik Kelantan dan Pusat Bio-Teknologi Pembiakan Haiwan," ujarnya.